HIDUPKAN SEJARAH DALAM JEJAK WARISAN REALITI TAMBAHAN

Ikuti jejak warisan baru di sekitar Sungai Singapura sambil hayati kisah zaman lampau Singapura, menerusi aplikasi BalikSG, yang boleh dimuat turun secara percuma. Perjalanan kunjungi lapan tempat dalam jejak ini makan masa sekitar dua jam. Berikut antara lokasi menarik:

1 PENDARATAN RAFFLES

Lokasi: Di depan tapak Pendaratan Raffles di sebelah Muzium Tamadun Asia (ACM)

Lembaga Warisan Negara bayangkan perbualan antara Sir Stamford Raffles dan Mejar William Farquhar apabila tiba di Singapura. Jelas, ada keperluan untuk segera wujudkan sebuah pos perdagangan.

Raffles: Beritahu saya, Farquhar, siapa yang berkuasa di sini?
Farquhar: Temenggong Abdul Rahman, tuan.
Raffles: Wajarkah kita tandatangani perjanjian dengan Temenggong Abdul Rahman? Kita harus dapatkan seorang sultan untuk tandatangani perjanjian itu.
Farquhar: Kami telah bincangkan kemungkinan jadikan Tengku Hussein Shah sebagai sultan. Lagipun, beliau lebih tua.
Raffles: Dan di mana Tengku Hussein?
Farquhar: Kepulauan Riau, tuan. Kami cadangkan Tengku Hussein dijemput ke sini dan menemui kami.
Raffles: Anda belum lakukannya?
Farquhar: Kami ingin berunding dengan anda terlebih dahulu, kerana ini perkara penting.
Raffles: Ya, teruskan, tetapi pilih lelaki yang boleh dipercayai. Perkara ini mesti dirahsiakan. Saya ingin Tengku Hussein berada di sini dalam masa tiga hari.

2 MELINTAS JAMBATAN

Lokasi: Di depan Jambatan Elgin

Aplikasi ini rakam perubahan pelbagai jambatan bersejarah seperti Jambatan Elgin, Jambatan Cavenagh dan Jambatan Anderson. Pengguna boleh lihat sendiri bentuk jambatan dahulu dalam foto lama.

3 PEMETERAIAN PERJANJIAN 1819

Lokasi: Di depan Galeri Nasional Singapura menghadap Padang

Aplikasi ini 'wujudkan semula' detik perjanjian 1819 yang ditandatangani Sir Stamford Raffles, Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Hussein Shah dari Johor. Perjanjian itu bolehkan Syarikat British East India untuk tubuhkan pos perdagangan di Singapura.

4 PELAN BANDAR PERTAMA SINGAPURA

Lokasi: Taman Esplanade

Meja pelukis dengan pelan tempat tinggal pelbagai masyarakat.

5 MENGUBAH ALIRAH SEJARAH

Lokasi: Boat Quay di depan UOB Plaza

Aplikasi ini paparkan Sungai Singapura dan sekitarnya pada tahun 1880-an.

6 PEMBIAYA PERTAMA SINGAPURA

Lokasi: Empress Lawn

Aplikasi ini turut kemukakan penyumbang lain kepada pembangunan Singapura seperti Chettiars, suku kaum Tamil yang berasal dari Chettinad di Tamil Nadu, India. Secara tradisional mereka terlibat dalam perdagangan batu permata tetapi kemudian menjadi banker privet dan pemberi pinjaman wang dan memantapkan kedudukan mereka di Singapura seawal tahun 1820-an.

FOTO: MARK CHEONG, LEMBAGA WARISAN NEGARA
GRAFIK BERITA HARIAN